

UCHAPAN Y.B. MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA
DAN LUAR BANDAR, ENCHE' ABDUL GHAFAR BIN
BABA DI-PEMBUKAAN RESMI BANGUNAN TAMBA-
HAN SEKOLAH KEBANGSAAN AYER HITAM, TELUK
ANSON, PERAK PADA 4HB. OKTOBER, 1971,
JAM 3.00 PETANG.

Untuk mendapatkan pelajaran yang tinggi mutu-nya bagi menjayakan anak masing2 dalam pelajaran, ibu bapa tidak dapat mengelakkan diri daripada mengadakan perbelanjaan yang banyak. Harga buku2 yang baik mutu-nya, mengadakan pakaian seragam dan tambang kenaikan ada-lah di-antara tiga perbelanjaan yang besar yang terpaksa di-tanggung oleh orang ramai yang ada mempunyai anak2 di-sekolah2. Ikhtiar2 bagi mengurangkan perbelanjaan tersebut mesti-lah di-usahakan.

Saya berpendapat mungkin dengan menubuhkan sebuah kope-
ratif meliputi seluruh negara yang di-namakan "Koperatif Kemajuan
Pelajaran" akan dapat mengurangkan sedikit perbelanjaan yang besar
yang di-tanggung oleh ibu bapa yang mempunyai anak2 di-sekolah.

Saya telah pun mengarankan Ketua Pengarah Jabatan Kope-
ratif untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kechil bagi mengkaji
kemungkinan mengadakan Koperatif Kemajuan Pelajaran seperti yang
saya sebutkan tadi.

Pada akhir tahun 1970 di-dapati ada sa-ramai 1,421,469
orang penuntut2 dalam sekolah rendah dan 1,018,610 orang penuntut
dalam sekolah menengah. Perbelanjaan untuk membeli pakaian
seragam sahaja ada-lah di-taksirkan berjumlah lebeh kurang \$25 juta
(dua puluh lima juta ringgit). Ini berdasarkan lebeh kurang \$10.00
bagi tiap2 saorang penuntut. Perbelanjaan membeli buku2 teks jika
hitung panjang \$20.00 saorang penuntut menelan belanja \$50 juta
(lima puluh juta ringgit) lagi.

Jika di-masokkan perbelanjaan membeli alat2 permainan,
alat2 sekolah yang lain seperti da'awat, pensel dan juga tambang
kenaikan, maka jumlah perbelanjaan ibu bapa semua sekali yang
menghantar anak2 ka-sekolah dalam Malaysia berjumlah lebeh kurang

\$100 juta (saratus juta ringgit). Koperatif yang di-chadangkan ini jika dapat di-jayakan bermula mempunyai pasaran yang tetap sebanyak \$100 juta (saratus juta ringgit) setahun.

Jika koperatif yang saya chadangkan ini boleh di-jayakan maka ia-nya akan memberi faedah yang banyak. Pertama, perbelanjaan untuk menanggung anak bersekolah mungkin dapat di-kurangkan, kedua pergerakan koperatif dapat di-pelajari dan di-kembangkan kepada ra'ayat negara ini mulai daripada kanak2 yang duduk di-bangku sekolah lagi dan yang ketiga rancangan seperti ini ada-lah berse-suaian dengan dasar ekonomi baru Kerajaan untuk melibatkan lebih ramai ra'ayat mencheborkan diri di-dalam perniagaan.

Koperatif seperti ini yang mempunyai tujuan perniagaan yang luas akan dapat membawa sebahagian besar ra'ayat negeri ini mencheborkan diri dalam pergerakan koperatif.

Koperatif Kemajuan Penuntut2 ini jika dapat di-laksana-kan tidak akan terhad kepada penjualan buku2 dan pakaian seragam sahaja tetapi, boleh di-perluaskan kepada perniagaan kantin2 sekolah dan juga perniagaan pengangkutan bagi membawa penuntut2 ka-sekolah pada tiap2 hari itu. Saya berharap kajian ini dapat di-buat dengan segera dan jika di-dapati menasabah akan dapat di-mulakan dalam tahun 1973.
